

JABATAN KORPORAT

TARIKH: 22.01.2025 MASA: 03.00PM

MUKTAMAD



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI BADERUL AMIN BIN**

ABDUL HAMID

**DATUK BANDAR SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

**TAKLIMAT ZAKAT “JOM POTONG DAN TAMBAH  
ZAKAT”**

### TARIKH / MASA / TEMPAT

**23 JANUARI 2025 (KHAMIS)**

**9.00 PAGI**

**AUDITORIUM, MENARA BANDARAYA  
MBSP BANDAR PERDA**

Terima kasih Saudara/Saudari Pengacara Majlis

- 1. Yang Berusaha Dato Haji Alias bin Haji Ali**  
Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang
  - 2. Yang Berusaha Tuan Mohd Ibrahim Bin Md Nor**  
Setiausaha Bandaraya
  - 3. Yang Dihormati Encik Fisol Bin Nayan**  
Pengarah Tabung Haji Negeri Pulau Pinang
  4. Ketua-Ketua Jabatan Majlis Bandaraya Seberang Perai
  5. Rakan-Rakan Media
  6. Tuan-Tuan Puan-Puan yang saya hormati sekalian
- .....

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamu'alaikum Warahmatullahhi Wabarakatuh,

Selamat Pagi dan Salam Sejahtera,

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam. Dengan izin dan limpah kurnia-Nya, dapat kita berkumpul pada pagi yang diberkati ini dalam **Taklimat Zakat “Jom Potong Dan Tambah Zakat”**.
2. Sekalung penghargaan dan ribuan terima kasih kepada Yang Berbahagia Dato' Haji Alias bin Haji Ali, Ahli Lembaga Pengarah Zakat Pulau Pinang; Encik Fisol bin Nayan, Pengarah Tabung Haji Negeri Pulau Pinang serta seluruh warga Pejabat Zakat Pulau Pinang atas kesudian bekerjasama dengan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dalam menjayakan program yang penuh bermakna ini.
3. Setinggi-tinggi penghargaan juga kepada semua hadirin yang turut hadir bagi menjayakan program ini pada hari ini. Kehadiran tuan-tuan dan puan-puan mencerminkan keprihatinan kita terhadap tanggungjawab sebagai umat Islam dalam melaksanakan tuntutan zakat.
4. Taklimat pada hari ini adalah hasil daripada pertemuan Yang Berbahagia Ketua Pegawai Eksekutif Zakat Pulau Pinang dengan saya melalui kunjung hormat yang berlangsung pada 30 Oktober 2024. Pertemuan tersebut telah membuka ruang untuk

memperkuatkan hubungan strategik antara Zakat Pulau Pinang dan MBSP dalam usaha meningkatkan kesedaran di kalangan warga kerja MBSP.

5. Zakat merupakan salah satu kewajipan yang diperintahkan oleh Allah S.W.T. kepada setiap individu Muslim yang memenuhi syarat-syarat tertentu. Sebagaimana firman Allah S.W.T. dalam Surah At-Taubah, ayat 103:

*"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka sebagai sedekah (zakat), supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan menyucikan mereka (dari akhlak yang buruk); dan doakanlah untuk mereka, kerana sesungguhnya doamu itu menjadi ketenteraman bagi mereka. Dan (ingatlah) Allah Maha Mendengar, lagi Maha Mengetahui."*

6. Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim, Rasulullah S.A.W. bersabda: "*Sedekah itu tidak akan mengurangi harta. Dan Allah akan menambah kemuliaan bagi seseorang yang memaafkan, serta tidak ada seseorang yang berlaku tawadhu' kerana Allah melainkan Allah akan mengangkat darjatnya.*" (Hadis Riwayat Muslim)
7. Zakat memainkan peranan penting dalam mewujudkan keadilan sosial dengan mengurangkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Melalui zakat, kita bukan sahaja membantu mereka yang memerlukan tetapi juga berperanan dalam memperkuatkan ekonomi ummah secara keseluruhan.

8. Taklimat pada hari ini bertujuan memberikan pencerahan tentang kaedah pengiraan dan pembayaran zakat, tatacara pelepasan cukai melalui potongan gaji, perkongsian mengenai aktiviti-aktiviti Zakat Pulau Pinang dalam membantu mereka yang memerlukan. Taklimat ini melibatkan seramai 225 orang kakitangan MBSP yang berpendapatan RM3,000.00 ke atas, diharapkan agar semua peserta memahami keperluan serta kemudahan pemotongan zakat melalui gaji secara bulanan.
9. Usaha ini bukan sahaja akan mempermudah pengurusan zakat individu, tetapi juga meningkatkan kesedaran kita terhadap kepentingan zakat dalam membangunkan masyarakat yang lebih sejahtera. Saya percaya, melalui penglibatan aktif dalam program ini, MBSP dapat memainkan peranan yang lebih besar dalam membantu golongan yang memerlukan di negeri Pulau Pinang.
10. Saya menyeru kepada semua yang hadir agar mengambil peluang ini untuk memperkuuhkan pemahaman dan kesedaran mengenai zakat. Marilah kita bersama-sama menyokong inisiatif ini demi kesejahteraan ummah. Ingatlah bahawa setiap sumbangan yang kita berikan akan menjadi asbab kepada perubahan yang lebih besar dalam kehidupan mereka yang memerlukan.
11. Saya menyimpan harapan yang tinggi agar program ini dapat menjadi pemangkin kepada perubahan positif dalam kalangan warga kerja MBSP. Saya berharap para peserta akan menggunakan ilmu yang

diperoleh hari ini untuk melaksanakan tanggungjawab zakat dengan lebih berkesan dan penuh keikhlasan.

12. Dengan lafaz ***Bismillahirrahmaanirrahim***, sukacitanya saya merasmikan **Taklimat Zakat “Jom Potong Dan Tambah Zakat”**. Semoga segala usaha yang dilaksanakan diberkati dan dirahmati oleh Allah S.W.T.

**Sekian, terima kasih.**

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.***